

Pengundi hantu: Pengakuan SPR bukti dakwaan Pakatan benar, kata PAS
The Malaysian Insider
July 25, 2011
Oleh Syed Mu'az Syed Putra

KUALA LUMPUR, 25 Julai — Dewan Pemuda PAS pusat mendakwa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah membuat pusingan-U apabila secara rasmi mengakui wujudnya pengundi hantu dalam daftar pilihan raya.

Exco Dewan Pemuda PAS pusat, Suhaizan Kaiat berkata pengakuan Timbalan Pengerusi SPR Datuk Wira Wan Ahmad Wan Omar membuktikan segala dakwaan Pakatan Rakyat dan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih 2.0) selama ini adalah benar.

Bersih 2.0 dalam tuntutanannya juga meminta agar SPR membersihkan daftar undi bersama tujuh tuntutan lain termasuk mereformasikan undi pos, gunakan dakwat kekal, akses media yang bebas dan adil, tempoh kempen minimum 21 hari, diperkukuhkan institusi awam, hentikan rasuah dan hentikan politik kotor.

Wan Ahmad semalam dilaporkan berkata, pihaknya tidak pernah menafikan kewujudan "klon" dalam daftar pemilih.

Sehubungan itu, jelas beliau, SPR sentiasa menggesa pengundi agar tampil memeriksa pendaftaran mereka selain mengharapkan kerjasama parti politik untuk membersihkan daftar semasa.

Beliau menjawab persolaan yang ditimbulkan oleh Suhaizan sebelum itu berhubung dakwaan pendaftaran berganda di Baling dan Kuala Nerang.

"Setelah 16 hari Himpunan Bersih 2.0 akhirnya SPR mengaku bahawa terdapat klon kepada kad pengenalan pengundi yang terdapat dalam daftar pemilih sah yang dikeluarkan SPR dan secara tidak langsung Wan Ahmad telah mengaku bahawa pengundi hantu benar-benar wujud.

"Ini merupakan kenyataan pusingan-U SPR mengenai pengundi hantu yang selama ini tidak pernah diakui, malah menuduh Pakatan Rakyat mengada-adakan cerita untuk melunturkan keyakinan rakyat kepada SPR," kata Suhaizan yang juga Pengerusi Pemulihan Demokrasi dan Mobilisasi Dewan Pemuda PAS pusat.

Jelas beliau, pengakuan Wan Ahmad itu, yang disiarkan satu akhbar tempatan semalam, berkisar pada pendedahan dibuat mengenai seorang wanita yang memiliki dua hak mengundi dan seorang lelaki yang mempunyai dua identiti.

"Mariam Binti Su memiliki dua kad pengenalan berbeza iaitu 720616025472 dan 720610025738 tetapi mempunyai satu nombor kad pengenalan lama yang sama iaitu A2278510 dan dia memiliki dua hak mengundi di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Ketil dan Parlimen Baling," katanya.

Dia merupakan pemilih berdaftar di lokaliti 016/32/10/003 iaitu Kampung Jawa, Kuala Ketil.

Kata Suhaizan, seorang lagi pemilih bernama Murugan a/l Subramaniam pula dilahirkan pada 02 Oktober 1973 dan memiliki nombor kad pengenalan lama A2909056. Dua identiti Murugan a/l Subramaniam memiliki tarikh lahir, nombor kad pengenalan lama, jantina, lokaliti, daerah mengundi, DUN, Parlimen dan negeri yang sama.

"Hanya empat digit terakhir kad pengenalan iaitu 5201 dan 5877 yang membezakan identiti Murugan Subramaniam. Nombor kad pengenalan pertama Murugan Subramaniam adalah 731002025877 dan kad pengenalan kedua adalah 731002025201," katanya.

Tegas Suhaizan, dua insiden itu membuktikan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan SPR telah melakukan kesalahan yang besar dan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

"Kes Mariam Su dan Murugan Subramaniam telah membuktikan dua kesalahan besar yang dilakukan oleh JPN dan SPR iaitu pertamanya JPN telah mengeluarkan satu kad pengenalan lama dimiliki oleh dua identiti, keduanya SPR telah membenarkan seorang pemilih memiliki hak mengundi lebih daripada sekali.

"Prosedur Operasi Standard (SOP) kedua-dua jabatan ini perlu dikaji semula, sistem komputer JPN dan SPR telah menggunakan SOP yang salah," katanya.

Selama ini SPR telah menafikan sekeras-kerasnya dakwaan wujudnya pengundi hantu yang kerap kali dibangkitkan Pakatan Rakyat.

Sebelum ini dalam beberapa siri pilihan raya kecil Pakatan Rakyat turut membangkitkan isu pengundi hantu namun dinafikan kewujudannya oleh SPR.

Selain itu Pakatan Rakyat juga mendakwa Barisan Nasional (BN) mendaftarkan warga asing sebagai rakyat negara ini melalui operasi "MyDaftar."

Operasi itu dikatakan mahu menjadikan warga asing sebagai pengundi yang sah bagi memenangkan BN pada pilihan raya umum ke-13.

Kejadian itu dikatakan berlaku di Selangor, Kelantan dan negeri-negeri lain namun dinafikan SPR.

Dalam pada itu Suhaizan juga mengkritik proses pembatalan data bertindan yang didakwa memerlukan proses rumit.

Ini kerana Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 menyatakan daftar yang sedia berkuat kuasa menjadi keterangan prima facie bagi menentukan sama ada seseorang berhak mengundi.

Sehubungan itu, Suhaizan berkata, jika pilihan raya diadakan pada waktu terdekat, ia akan menggunakan daftar pemilih yang diragui.

"Mana-mana parti yang menang dalam pilihan raya ke-13 tetapi mempunyai data-data pemilih yang meragukan mungkin boleh dibatalkan kemenangannya. Ini merupakan sesuatu yang serius bakal akan berlaku.

"Oleh itu Pemuda PAS mendesak agar ditubuhkan suatu suruhanjaya diraja mengkaji sistem perjalanan pilihan raya dalam negara kita yang dilihat bermasalah," katanya yang juga Ketua Dewan Pemuda PAS Johor.

Copyright © 2011 The Malaysian Insider.

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pengundi-hantu-pengakuan-spr-bukti-dakwaan-pakatan-benar-kata-pas/>